



DENGAR TAKLIMAT: Ketua Jurutera Pusat Pembuangan Undi MPP UPM, Krishnan Mariappan (kiri) menerangkan kaedah e-undi kepada pelajar, di Serdang, kelmarin.

UPM teruskan kaedah e-undi

KEBERKESANAN sistem pengundian secara elektronik atau e-undi pada pilihan raya kampus sebelum ini mendorong Universiti Putra Malaysia (UPM) meneruskan kaedah itu pada pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) sesi 2008/2009.

Sistem dibangunkan pada 2004 mengambil kira keperluan pengundian yang mementingkan kerahsiaan, keselamatan, integriti data dan mesra pengguna.

Bagi memastikan kelancaran pelaksanaan e-undi, UPM akan menyediakan kira-kira 80 komputer di lima pusat pembuangan undi.

Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Teknikal MPP UPM, Rosmi Othman, berkata sebanyak lima modul terkandung dalam e-undi iaitu e-pendaftaran penamaan calon, e-pendaftaran pemilih, e-pembuangan undi, e-penjumlahan undi dan e-paparan peratusan pengundian.

Beliau menjelaskan, e-pendaftaran penamaan memudahkan proses pendaftaran calon yang ingin bertanding kerana semakan boleh dilakukan secara automatik untuk memastikan kelayakan seseorang bertanding, selain menjimatkan masa.

"E-pendaftaran pemilih pula membolehkan sekretariat pilihan

raya memastikan kesahihan status sama ada pelajar terbabit sudah mendaftar atau mengundi.

"Penyimpanan undi pula dimuatkan dalam e-pembuangan undi yang membolehkan pelajar memilih calon yang bertanding menerusi paparan muka yang bersifat mesra pengguna," katanya pada sidang media e-undi di Serdang, kelmarin.

Hadir sama, Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Malik Simon.

Proses pengiraan undi pula, katanya, akan menggunakan pakai e-penjumlahan yang menjimatkan masa selain meminimumkan penggunaan tenaga kerja.